

23/08/1998

Perjanjian TNB, IPP disemak

KOTA BHARU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan sedia mengkaji semula kandungan perjanjian bayaran di antara Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan pengeluar tenaga persendirian (IPP) yang didakwa hanya menguntungkan sebelah pihak.

Perdana Menteri berkata, perkara itu boleh diselesaikan menerusi rundingan berikutan perjanjian itu yang dikatakan lebih menguntungkan IPP sahaja.

"Kita boleh runding dan tentukan berapa yang patut (pembayaran kepada IPP), mungkin kena tolak ansur sikit.

"Setakat ini, saya belum kaji lagi kerana masalahnya dulu kita sudah bersetuju," katanya pada sidang akhbar selepas majlis Wacana Cinta Negara sempena program Pemimpin Bersama Rakyat di Kampung Chengal, Kadok, dekat sini, semalam.

Baru-baru ini, Pengerusi Eksekutif TNB, Datuk Dr Tajuddin Ali, berkata pihaknya yakin IPP boleh membantunya dalam menghadapi kegawatan sekarang dengan merundingkan semula pembayaran TNB.

TNB yang mempunyai aset lebih RM30 bilion mengadakan perjanjian dengan enam IPP iaitu YTL Power Generation Sdn Bhd, Powertek Sdn Bhd, EPE Power Sdn Bhd, Genting Sanyen Sdn Bhd, Tenaga Technology Perlis Consortium Sdn Bhd dan TNB Generation Sdn Bhd.

Satu daripada IPP itu dikatakan menerima bayaran seminggu sekali manakala beberapa syarikat lagi menerima bayaran daripada TNB dua minggu sekali.

Faedah akan dikenakan jika TNB lewat membuat bayaran pada tarikh yang dipersetujui.

(END)